

JOM BACA

Steward anak Mohammad

PISMP BM1 JUN 2018

Pengenalan

Produk saya, iaitu 'Jom Baca!' diilhamkan kerana ramai murid sekolah rendah belum menguasai literasi membaca (Nur Shakirah Azizan & Muhammad Saiful Haq Hussin, 2017). Uji lari pertama telah dilaksanakan pada 14 Oktober 2020 manakala uji lari kedua dijalankan pada 16 Oktober 2020 di sekolah yang sama. Uji lari melibatkan masing-masing seramai lima orang murid Tahun Satu untuk uji lari pertama dan kedua atas budi bicara guru besar sekolah tersebut.

Keberkesanan Produk


Keberkesanan produk dilihat daripada pelaksanaan uji lari, iaitu langkah keempat dalam Model Pembelajaran Trialogikal yang digunakan untuk membina produk (Sansone, 2016). Uji lari bermaksud percubaan untuk menentukan buruk baik sesuatu perkara (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Saya menggunakan instrumen soal selidik, temu bual dan pemerhatian. Daripada analisis soal selidik, dua orang guru memberikan skala empat daripada lima pada bahagian warna, teks dan visual. Hal ini adalah kerana mereka mengatakan bahawa huruf 'a' kecil yang digunakan tidak sesuai untuk pelajar sekolah rendah. Pada aspek lain, guru-guru amat berpuas hati dan memuji inovasi tersebut. Bagi pelajar pula, ada yang mengatakan bahawa inovasi tersebut tidak sesuai untuknya kerana lebih selesa dengan cara guru mengajar sekarang. Secara purata, ada pelajar yang memberi tiga markah untuk warna, teks dan visual dan apabila ditanya sebab, mereka tidak menyatakannya. Hal ini mungkin kerana pelajar agak pasif memandangkan saya menguji murid berkeperluan khas. Pada uji lari ini, inovasi agak kurang membantu kerana masa agak terhad kerana diperuntukkan dua waktu Bahasa Melayu sahaja. Tambahan lagi, pelajar yang diuji tidak mempunyai asas yang diperlukan bagi setiap kandungan inovasi saya, iaitu belum mengenali bunyi dan huruf vokal.

Hasil soal selidik, guru memberikan skala yang amat cemerlang terhadap produk tersebut. Para pelajar pula memberikan skala yang amat cemerlang memandangkan

kali ini saya meminta pelajar yang belum boleh membaca tetapi memiliki asas yang sepatutnya, iaitu mengetahui bunyi vokal dengan baik. Uji lari kedua pula masa amat mencukupi kerana saya diperuntukkan tiga jam dan pelajar memberikan kerjasama yang amat baik. Saya melibatkan anak buah saya yang berumur enam tahun untuk mencuba inovasi saya. Beliau sangat teruja dan memberikan komen yang baik. Pada bahagian kuiz, beliau berjaya menjawab semua soalan yang diberikan dengan tepat. Instrumen yang digunakan ialah pemerhatian.

Kelebihan dan Kekurangan

Secara keseluruhannya, inovasi tersebut sangat interaktif dan menarik berbanding pengajaran sekarang. Pelajar boleh belajar membaca di mana sahaja tanpa mengira masa dengan adanya inovasi tersebut. Jika digunakan secara berterusan, inovasi ini akan dapat memantapkan asas bacaan pelajar. Namun, kelemahannya ialah ada pelajar yang masih perlukan bimbingan semasa menggunakan inovasi ini.



Rajah 1: Kandungan aplikasi Jom Baca

Terdapat dua cadangan penambahbaikan daripada guru di sekolah tersebut. Pertama, huruf 'a' harus diganti dengan 'ɑ' kerana huruf 'a' yang saya gunakan pada

awalnya tidak sesuai untuk pelajar sekolah rendah (Lampiran 4). Kedua, guru tersebut mengatakan bahawa pembesar suara mesti digunakan agar pelajar boleh mendengar dengan jelas setiap bunyi yang dikeluarkan.

Kejayaan

Inovasi digital 'Jom Baca!' telah dilaksanakan di peringkat sekolah untuk tujuan uji lari. Ramai guru di sekolah tersebut yang berminat terhadap produk tersebut memandangkan masalah utama di sekolah tersebut ialah masalah membaca. Produk ini telah memenangi anugerah Gangsa di peringkat antarabangsa iaitu DARULAMAN International Innovation Competition (DILCE) 21.

Kesimpulan

Kesimpulannya, saya sangat yakin bahawa asas membaca yang diajar melalui inovasi saya akan dapat menyelesaikan masalah pelajar yang belum boleh membaca jika digunakan secara berterusan. Asas membaca harus diperkukuhkan untuk menguasai kemahiran membaca lagi, penggunaan inovasi yang menyeronokkan dan lain daripada kebiasaan sangat sesuai untuk pelajar.